

Memori **KORPORAT**

UITM DALAM SEJARAH

KERJASAMA PENDIDIKAN ITM – UNIVERSITI OHIO

Jalinan kerjasama pendidikan antara Malaysia secara amnya dengan Universiti Ohio bermula seawal tahun 1965 di Benua Afrika iaitu di Lagos, Nigeria. Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan, Almarhum Tuanku Jaafar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman pada ketika itu bertugas di Nigeria sebagai Pesuruanjaya Tinggi Malaysia telah bertemu dengan Dr. Russell A. Miliken, seorang Pegawai dari Universiti Ohio. Dalam pertemuan ini, cadangan telah dikemukakan untuk Universiti Ohio membuat perhubungan dengan ITM dalam bidang akademik selaras dan dikaji oleh Encik Khir Johari yang pada ketika itu menjadi Menteri Pelajaran.

Lawatan ke ITM telah dibuat oleh pegawai dari Universiti Ohio termasuk Dr. J. Norman Parmer iaitu Ketua *Centre for International Studies*, Universiti Ohio. Akhirnya pada awal tahun 1968 satu perjanjian telah ditandatangani diantara ITM dengan Universiti Ohio dan Asia Foundation, satu badan yang kemudiannya menjadi penyokong ITM dalam rancangan latihan tenaga pengajar.

Langkah pertama yang diambil dibawah perjanjian ini ialah dengan menghantar pensyarah-pensyarah ITM ke Universiti Ohio untuk dilatih dalam bidang-bidang tertentu dan pensyarah dari Universiti Ohio juga dihantar ke ITM untuk memberi kuliah serta nasihat mengenai kurikulum, pentadbiran akademik dan sebagainya. Rombongan pertama dari ITM seramai 8 orang telah mengunjungi Universiti Ohio dalam bulan September 1968 dan pada 1969 – 1972 beberapa professor dari Universiti Ohio pula bertugas di ITM. Dalam masa 5 tahun di antara 1967 – 1972 seramai 11 orang pensyarah dan pentadbir ITM telah menerima latihan di Universiti Ohio dan bilangan pelajar ITM yang meneruskan pengajian di Universiti tersebut juga terus meningkat.

Dengan bantuan tenaga dari Universiti Ohio dan juga ilham dari universiti-universiti dari Amerika Syarikat, ITM telah dapat merancang dan menubuhkan Kajian Sebaran Am pada tahun 1972 yang merupakan satu langkah baharu dalam hubungan antara kedua-dua institusi ini dan Sebaran Am di ITM merupakan usaha yang pertama diadakan di Malaysia. Pada tahun 1975, ITM dan Universiti Ohio melancarkan lagi usahasama dalam pendidikan tinggi iaitu Bachelor in Business Administration (BBA) & Masters in Economic Education (M.Ed.Ed.) dan pada 12 Ogos 1977 konvokesyen Ohio/ITM yang pertama dijalankan untuk pelajar BBA seramai 24 orang dan pada 21 Januari 1978 konvokesyen Ohio/ITM yang kedua untuk pelajar M.Ed.Ed seramai 10 orang. Semua usahasama yang dijalankan ini merupakan satu hasil inovasi pengajian tinggi yang dapat dibanggakan dalam sejarah perhubungan antara ITM dengan Universiti Ohio dan meletakkan lagi ITM diperingkat global di antara institusi-institusi pendidikan tinggi yang lain di Malaysia pada ketika itu.



Konvokesyen Pertama EMBA 1986



Majlis Menandatangani MoU bersama Universiti Ohio, 1995



Penganugerahan Ijazah
Kehormat Kedoktoran
Undang-Undang &
Perkhidmatan Awam oleh
Universiti Ohio kepada YAB
Tun Hussein Onn, 1981

Sumber :

1. Konvokesyen Ohio Universiti / ITM yang Pertama (Buku).